

# 'Serambi Niaga' inovasi keusahawanan untuk mahasiswa

Oleh **Randy Gardaffly** - 20 November 2024



*Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang menurunkan tandatangan pada plak simbol gimik perasmian sempena majlis peluncuran Serambi Niaga di kampus UMT.*

KUALA LUMPUR – Serambi Niaga Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kini menjadi platform utama dalam mencetuskan inovasi keusahawanan di kalangan mahasiswa.

Inisiatif ini dirangka khusus untuk mendorong mahasiswa mencipta peluang dalam dunia perniagaan, sekaligus meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT, Mohd Izani Mohd Zain berkata, serambi ini menyediakan pelbagai sokongan seperti pinjaman tanpa faedah bagi membantu mahasiswa memulakan perniagaan tanpa beban kewangan.

“Platform ini turut menawarkan rangkaian dropship, khidmat latihan perniagaan serta bimbingan langsung oleh pensyarah, melengkapkan ekosistem keusahawanan UMT.

“Inisiatif ini selaras dengan usaha universiti untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja mencari pekerjaan tetapi juga mampu mencipta peluang pekerjaan,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau menambah, Serambi Niaga adalah “makmal hidup” yang memberi pendedahan langsung kepada realiti dunia perniagaan.

Modul bimbingan, hab kepimpinan, kolaborasi alumni, serta eksperimen produk baharu menjadikan Serambi Niaga sebagai platform unik dan berdaya tahan.

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Sains Akuakultur, Nur Amiera Zulkifli, 21, berkata, menerusi inisiatif tersebut beliau mendapat peluang untuk belajar selok-belok keusahawanan dari perancangan hingga penjualan produk. – MalaysiaGazette